

SIRAH NABI DARI SUDUT SEJARAH

W. Yahya W. Ahmad
Fakulti Usuluddin Akademi Islam
Universiti Malaya

This article discusses the development of the writing of Sirah and prophetic Tradition, and those who were involved in these works.

Pendahuluan

Sirah al-Nabi ialah suatu catatan yang bersangkutan dengan tindak tanduk dan perjuangan Nabi Muhammad s.a.w., dari mula baginda dilahirkan sehinggalah kewafatannya. Ia dipindahkan kepada generasi kemudian dengan cara yang sangat boleh dipercayai, sehinggalah catatan itu dibukukan oleh ulama sejarah.

Kehebatannya telah diakui oleh masyarakat antarabangsa sehingga masa kini. Keistimewaannya bertambah jelas dengan bertambahnya usia catatan sirah tersebut. Kandungannya merangkumi perjuangan Rasulullah s.a.w., para sahabat dan segala keperluan hidup bermasyarakat.

Nilai

Tidak hairanlah kalau didapati banyak pihak pada masa kini merasa kagum terhadap keistimewaan yang ada pada *Sirah al-Nabi* itu. Kesahihannya berhubung rapat dengan peranan para sahabat yang memberi perhatian terhadap sesuatu yang dilakukan, dan diperkatakan oleh Rasulullah s.w.a., termasuklah juga pengakuan baginda s.a.w. terhadap perbuatan-perbuatan setengah sahabatnya.

Perhatian yang diberikan ialah dengan menghafal dan juga mencatat segala yang keluar dari Rasulullah s.a.w. Barisan mereka itulah membawa dan

mencerita pengalaman-pengalaman yang dialami oleh baginda s.a.w. Mereka membawa berita itu kepada generasi kedua (tabi'in). Barisan tabi'in pula menerima dan menghafalnya. Ada di antara mereka yang menulis di sana sini supaya ia terus diingat untuk dipindahkan kepada generasi berikut. Barisan mereka itu dikenali dengan 'ruwwat' (pencerita), *muhadith* ataupun *ashab al-sirah*. Keadaan tersebut berlaku mengikut urutan yang bersambung-sambung, dikenali dengan 'sanad'.¹ Jalan ceritanya bermula dari tabaqat (lapisan) sahabat, diikuti dengan tabaqat 'tabi'in', kemudian pengikut al-tabi'in sehinggalah cerita itu dikumpul, ditulis dan dibukukan pada abad ke IVH.

Tahap kedua, iaitu sesudah selesai usaha pembukuan tentang cerita-cerita al-sirah yang dimaksudkan di atas, para ulama kemudian pula berusaha menulis nama-nama perawi dari tabaqat sahabat, al-tabi'in, pengikut al-tabi'in, termasuk juga nama-nama ulama yang mempunyai saham mencerita dan meriwayatkan tentang perjuangan Rasulullah s.a.w.

Nama para perawi dari semua lapisan tabaqat dan ulama yang terlibat, ditulis seterusnya. Bersamanya, kadang-kadang ditulis nama-nama keluarga, tempat lahir, tempat dibesarkan, budi pekerti, kehidupan seharian mereka. Pada umumnya, suasana hidup, guru-guru dan murid-murid mereka turut juga dicatat. Kesan dari perkembangan tersebut, lahirlah satu bidang keilmuan, dikenali dengan 'ilm asma' al-rijal' (ilmu berkenaan perawi). Usaha yang mulai itu sangat berguna kepada generasi-generasi yang datang kemudian. Hal itu lebih lagi terasa pentingnya, apabila ada usaha hendak memastikan cerita-cerita tertentu, sama ada benar ataupun tidak.

Keistimewaan yang ada pada *Sirah al-Nabi* ialah sebahagiannya dicatat pada zaman Rasulullah s.a.w. masih hidup lagi.² Sebahagian besar yang lainnya, dicatat pada zaman sahabat oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. Ia merupakan satu khazanah yang tidak dimiliki oleh bangsa-bangsa lain pada masa ini. Umat Islam juga mempunyai catatan berkenaan nama-nama *al-Rijal*, pencerita peristiwa-peristiwa yang dialami oleh baginda s.a.w. Catatan yang dimaksudkan mengandungi lebih dari 500,000 nama para sahabat Rasulullah s.a.w. dan perawi-perawi cerita tersebut. Ini termasuklah keturunan mereka, cara hidup, bila mereka dilahirkan dan tarikh kematiannya³ Pada Haji Wada' iaitu pada akhir hayat baginda s.a.w., bilangan sahabat Rasulullah s.a.w. mele-

¹Muhammad al-Sibagh, *al-Hadith al-Nabawi*, hal. 154, 155.

²Muhammed 'Ijaz al-Khatib, *al-Sunnah Qbal al-Tudwin*, al-Qahirah, 1963, hal. 298.

³Sulaiman al-Nadawi, *al-Risalah al-Muhammadiyah*, Damshik, 1973, hal. 71; Ibn Hazam, *al-Fasl fi al-Millat wa al-Nahl*, J. II, hal. 72-73; al-Qasimi, *Qawa'id al-Tahadduth*, J. II, hal. 85.

bihi 100,000 orang.¹ 10,000 dari mereka namanya ada tercatat di dalam buku-buku sejarah yang mengkhususkan di dalam perkara berhubung dengan 'al-Rijal'.

Baginda s.a.w. wafat pada tanggal 11H./632M. Selepas itu segala *tashri' al-Hukum* (perundangan) terhenti. Yang tinggal selepas itu ialah para sahabat Rasulullah s.a.w. sahaja. Barisan merekalah yang memanjangkan cerita-cerita berkenaan perjuangan Rasulullah s.a.w. Mereka juga sebagai pentafsir kepada sesuatu masalah yang belaku, jika dirasakan perlu berbuat demikian.

Apabila terdapat masalah-masalah baru timbul di dalam masyarakat, yang sukar difahami kalau hanya bergantung kepada zahir kenyataan hadis (peristiwa), barisan merekalah yang dianggap lebih tahu dan faham tentang kehendak sesuatu kenyataan hadis, serta dapat pula digunakan bagi menyelesaikan masalah yang baru itu. Sebab, mereka pernah hidup bersama Rasulullah s.a.w. dalam masa yang lama. Ali bin Abu Talib contohnya, bersama-sama Rasulullah s.a.w. sejak umur kecil sehingga baginda s.a.w. wafat. Dipercayai mereka itu memahami tujuan-tujuan percakapan, perbuatan yang keluar dari Rasulullah s.a.w. sebagai *tashri'*.

Barisan Ruwwat

Peringkat awal, segala pemindahan cerita perjuangan Rasulullah s.a.w. ditangani oleh para *Kibar al-Sahabah*² (sahabat utama). Istilah ini digunakan, dengan melihat kepada umur yang lebih tua, lebih rapat dengan baginda s.a.w. dan lebih lama hidup bersama baginda s.a.w. Sudah tentu golongan ini lebih mengerti kehendak-kehendak perjuangan baginda s.a.w. kalau dibandingkan dengan mereka yang lebih muda dan lebih singkat masa bersama-sama Rasulullah s.a.w. Zaman *Kibar al-Sahabah* berterusan sehingga tahun 40H. Selepas itu diikuti oleh peringkat kedua, *Sighar al-Sahabah* (tidak utama). Mereka juga bertanggungjawab memindahkan berita-berita sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w. Di antara *Sighar al-Sahabah* yang terakhir meninggal ialah:³

1. Abu Amamah, meninggal di Sham pada tahun 86H.
 2. Abdullah bin al-Harith, meninggal di Mesir pada tahun 86H.
 3. Abdullah bin Abi Aufa, meninggal di Kufah pada tahun
-

¹ Abd. Rahim al-Iraqi, *Fath al-Maqhiith*, al-Qahirah, 1973, J. IV, hal. 39; Muhammed 'Ijaj al-Khatib, *op.cit.*, hal. 406; Shalabi, *al-Mausu'ah fi al-Tarikh al-Islami*, J. I, hal. 356.

² Lihat Muhammed 'Ijaj al-Khatib, *op.cit.*, hal. 303-305.

³ Dr. Subhi Saleh, *Ulum al-Hadith Wa Mustalahuhu*, Beirut, 1969, hal. 357.

- 87H.
4. Al-Saib bin Yazid, meninggal di Madinah pada tahun 91H.
 5. Anas bin Malik, meninggal di Basrah pada tahun 93H.

Anas bin Malik adalah barisan sahabat Rasulullah s.a.w. yang paling akhir meninggal dunia. Beliau pernah berkhidmat dengan Rasulullah s.a.w. selama 10 tahun secara berterusan.¹

Generasi yang datang selepas barisan sahabat dikenali dengan barisan *tabi'in*²(pengikut). mereka merupakan murid-murid kepada sahabat Rasulullah s.a.w. Dari itu sejarah *tabaqah al-tabi'in* bermula dari tahun pertama hijrah. Dari kalangan barisan ini ada yang dilahirkan pada masa Rasulullah s.a.w. masih hidup tetapi tidak berkesempatan melihat Rasulullah s.a.w. dan tidak berpeluang bersama-sama baginda s.a.w., sama ada mereka masih kecil ataupun mereka tinggal jauh dari Madinah. Berita-berita berkenaan perjuangan baginda s.a.w. diterima dari barisan sahabat yang juga guru mereka. Barisan ini kemudiannya berdakwah ke kawasan di sekeliling Mekah dan Madinah.

Buku-buku sejarah dengan jelas menerangkan tentang usaha-usaha yang telah dilakukan oleh mereka itu. Ibn Sa'ad di dalam bukunya *'al-Tabaqat'* menulis, bahawa seramai 139 orang dari barisan *tabi'in* peringkat pertama (*Kibar al-Tabi'in*) bermastautin di Madinah, sempat bertemu, mendengar dan menerima beberapa hadis Rasulullah s.a.w. daripada *Kibar al-Sahabah*. Mereka kemudiannya meriwayatkan hadis-hadis tersebut kepada generasi berikut.³ Ibn Sa'ad juga menulis di dalam bukunya seramai 129 dari lapisan *tabi'in* peringkat kedua pernah bertemu dengan sahabat-sahabat Nabi s.a.w. dan menceritakan hadis-hadis serta peristiwa-peristiwa sejarah dari mereka.⁴ Manakala barisan *tabi'in* yang ketiga adalah mereka yang sempat berjumpa sekali sahaja dengan seorang sahabat atau beberapa orang sahabat. Mereka itu seramai 87 orang.⁵

Pada keseluruhannya di Madinah pada masa itu terdapat seramai 355

¹*Ibid.*, hal. 363.

²*Ibid.*, hal. 357; Muhammad 'Ijaz al-Khatib, *op. cit.*, hal. 483.

³Muhamad Ali, *The Religion of Islam*, Lahor, 1950, hal.61.

⁴*Ibid.*

⁵Dr. Subhi Saleh, *op. cit.*, hal. 357.

orang tabi'in. Dipercayai masih ramai lagi para tabi'in yang tinggal di bandar-bandar lain, seperti di Mekah, Taif, Basrah, Kufah, Damsyik, Yaman dan di Mesir. Mereka yang dimaksudkan sudah tentu tidak ketinggalan dari usaha menyampaikan dan meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. kepada barisan berikutnya.¹

Keterangan di atas menerangkan perhatian telah diberikan oleh ahli-ahli sejarah di dalam membuat liputan berkenaan bagaimana hadis-hadis dan epristiwa perjuangan Rasulullah s.a.w. telah dipindahkan, juga ambilberat mereka tentang hal-hal berkenaan dengan perawi-perawi. Berikut adalah sebahagian dari perawi-perawi yang banyak menghafal hadis-hadis Rasulullah s.a.w.:²

Nama	Banyak hadis	Lahir/Meninggal
Abu Hurairah	5374	19SH./ 59H.
Abdullah bin Umar	2630	10SH./ 73H.
Anas bin Malik	2286	10SH./ 93H.
`Aishah binti Abu Bakar	2210	8H./ 58H.
Abdullah bin Abbas	1660	3SH./ 68H.
Jabir bin Abdullah	1540	16SH./ 78H.
Abu Sa'id al-Khudri	1170	12SH./ 74H.

Nama-nama yang disebutkan di atas adalah di antara perawi-perawi hadis telah menceritakan hadis-hadis serta peristiwa-peristiwa perjuangan baginda s.a.w. kepada generasi kemudian. Merekalah bertanggungjawab menjaga dan menghafal segala apa yang berlaku di dalam *al-Risalah al-Muhammadiyah*. Kalau diperhatikan kepada umur hidup barisan didapati kebanyakan usia mereka panjang. Mungkin dari kesempatan itu mereka dapat berkhidmat kepada penyebaran ajaran Islam mengikut sepatutnya. Dengan cara itu sahaja kemuliaan dan kebaikan ajaran Islam dapat diperluaskan dan dipanjangkan kepada generasi-generasi berikut secara berterusan.

Hakikatnya ribuan dari barisan sahabat, kemudian barisan tabi'in, tabi al-tabi'in dan perawi-perawi kemudian telah menjalankan tugas, membawa dan menyampaikan kepada angkatan muda segala yang dilihat dan didengar berkenaan perjuangan Rasulullah s.a.w. Tugas tersebut merupakan suruhan Rasu-

¹Sulaiman al-Nadawi, *al-Risalah al-Muhammadiyah*, hal. 73.

²Muhajjed `Ijaj al-Khatib, *op. cit.*, hal. 411-480; Ibn Hajar, *Tahdhib al-Tahdhib*, J. III, hal. 379; Ibn Hajar, *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabat*, J. I, 222; IV, 90; al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*, J. I, hal. 26, 35.

lullah s.a.w. Baginda bersabda, ".... بلعوا عنى" ¹ (sampaikanlah dari ku ...), dan "فليبلغ الشاهد منكم الغائب..." ² (mereka yang datang sampaikanlah kepada yang tidak datang). Di antara *kibar al-tabi'in* ialah: ³

Sa'id bin al-Musayyab	meninggal	94H.
Sa'id bin Jubair	"	95H.
Muhammad bin Sirin	"	110H.
Nafi' maula Ibn `Amru	meninggal	117H.
Ibn Shihab al-Zuhri	"	123H.
Imam Abu Hanifah	"	150H.

Di antara pengikut *al-tabi'in* pula ialah: ⁴

Sufian al-Thauri	meninggal	161H.
Al-Laith bin Sa'ad	"	175H.
Imam Malik bin Anas	"	179H.
Sufian bin `Uyainah	"	198H.
Imam Shafie	"	204H.

Pemindahan

Para sahabat sangat berhati-hati apabila menceritakan hadis-hadis Rasulullah s.a.w., supaya tidak silap dan tidak membohongi baginda s.a.w. Anas bin Malik pernah berkata, sekiranya dia tidak takut terkeliru, nescaya semua yang telah didengarnya dari nabi s.a.w. dikemukakan juga kepada orang lain. ⁵ Contoh lain, Sa'ad bin Abi Waqqas (m. 55H.), pernah ditemani oleh al-Saib bin Yazid di dalam perjalanan berulang alik dari Mekah dan Madinah. Selama beliau bersama dengannya, Sa'ad tidak pernah menyampaikan sebuah hadis pun kepada al-Saib. Sikap tersebut kerana berhati-hati di dalam meriwayatkan

¹Muhammad Ali, *op.cit.*, hal. 61.

²*Ibid.*

³Dr. Subhi Saleh, *op.cit.*, hal. 378-385; Ibn Hajar, *Tahdhib al-Tahdhib*, J. IX, h. 445; Ibn Sa'ad, *al-Tabaqat*, J. V, hal. 88; al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*, J. I, hL. 102.

⁴Dr. Subhi Saleh, *op.cit.*, hal. 386; *Tahdhib al-Tahdhib*, J. X, h. 5; Ibn Sa'ad, *al-Tabaqat*, J. VI, hal. 257; al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, J. II, hal. 56-73; al-Dhahabi, *Mizan al-Itidal*, J. I, hal. 397.

⁵ Abu Muhammed Abdullah bin Abd. al-Rahman al-Darimi, *Sunan al-Darimi*, Dar Ihya al-Sunnah al-Nabawiyah, t.t., J. I, hal. 76-77.

peristiwa sejarah dan hadis.¹ Sikap berhati-hati para sahabat nabi bukan hanya ketika menyampaikan hadis-hadis, malah mereka juga berhati-hati ketika hendak menerima berita-berita tertentu. Kemudian berita-berita tersebut dicatat oleh ahli hadis dan ahli sejarah bersekali dengan nama-nama setiap perawi secara lengkap, sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Walaupun perhatian diberi oleh para perawi hadis, seperti telah dijelaskan di atas, masih ada lagi musuh-musuh Islam yang cuba mendatangkan keraguan tentang kebenaran catatan-catatan sejarah dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang ada pada umat Islam hari ini. Orientalis-orientalis barat, selalu berusaha mencari jalan untuk meragui umat manusia, khususnya orang Islam, tentang kesahihan hadis-hadis Rasulullah s.a.w.² Mengikut andaian mereka, catatan itu dibukukan 90 tahun setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. Ia suatu usaha untuk memburukkan sirah Rasulullah s.a.w. termasuklah hadis-hadisnya yang menjadi sumber kedua selepas Quran.

Setelah barisan ulama meneliti dan menilai cara catatan itu dipindahkan, dari satu generasi kepada generasi, didapati perhatian yang sungguh-sungguh telah diberikan oleh para perawi, supaya kenyataan-kenyataan sejarah dan hadis itu benar-benar datangnya daripada Rasulullah s.a.w. Dengan itu segala keraguan yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam berjaya ditolak oleh ulama-ulama Islam.

Larangan Menulis Hadis

Para sahabat Rasulullah s.a.w. tidak menulis hadis-hadis pada setiap kali berlakunya peristiwa, atau setiap kali dipercakapkan oleh baginda s.a.w., kerana pada mulanya Rasulullah s.a.w. melarang sahabat-sahabatnya berbuat demikian selain dari ayat-ayat Quran. Kerana ditakuti akan bercampur aduk di antara hadis-hadis dan ayat-ayat Quran.³

Larangan tersebut tidak berterusan. Bilamana keraguan tadi sudah tidak ada, baginda s.a.w. pun membenarkan sahabatnya menulis hadis dan juga peristiwa-peristiwa perjuangannya.⁴ Namun demikian, sahabat-sahabat masih lagi berhati-hati apabila menulis hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Malah masih ada di

¹*Sunan Ibn Majah*, J. I, hal. 12; *Sunan al-Darimi*, J. II, hal. 85.

²Ignaz Goldziher, *Muslim Studies*, Vol. II, 1971, hal.181-188.

³Muhammad al-Sibagh, *op.cit.*, hal. 33; al-Nawawi, *Sharah Sahih Muslim*, J. XIVIII, hal. 129; Abu Umar Yusuf bin Abd. al-Bar, *Jami' Bayan al-Ibn*, J. I, hal. 63.

⁴Muhammad 'Ijaj al-Khatib, *op.cit.*, hal. 303-305; Muhammad Ali, *op.cit.*, hal. 61.

antara sahabat yang ragu hendak menulis.¹

Ada juga pendapat bahawa jika hadis-hadis itu ditulis, kemungkinan orang ramai tidak akan menghafal lagi, sebab mereka boleh bergantung kepada tulisan yang ada. Kalau timbul masalah yang memerlukan hadis-hadis, mereka boleh merujuk kepada hadis-hadis yang ditulis.

Sikap orang Arab memandang rendah kepada mereka yang hanya bergantung kepada catatan semata. Mereka lebih memuliakan orang yang suka menghafal. Mereka berbangga dapat menunjukkan bahawa mereka memiliki ingatan yang kuat. Hal ini jelas dapat dilihat di dalam masyarakat Arab silam, ramai yang mampu menghafal beratus-ratus rangkap syair.

Selain dari itu, ulama hadis berpendapat, cara hafalan lebih menjamin keselamatan hadis kalau dibandingkan dengan hanya bergantung kepada catatan. Sebab, pemindahan hadis-hadis ataupun peristiwa perjuangan Rasulullah s.a.w. dari satu catatan dan ditulis pada tempat lain, ada kemungkinan akan berlaku kesilapan ketika kerja pemindahan itu dilakukan. Berlainan jika pemindahan itu dari mulut ke mulut, dari perawi *al-Hafaz*, *al-Dabit* kepada perawi *al-Hafaz*, *al-Dabit*, ianya menjamin tidak berlakunya kesilapan. Seorang perawi boleh diiktiraf sebagai perawi, setelah beliau memiliki beberapa sifat yang ditentukan, seperti adil, kuat ingatan, tidak pernah berbohong, *thiqah*, warak, *multazim* dengan suruhan agama dan berakhlak mulia.

Dari keterangan di atas, jelaslah bahawa hadis Rasulullah s.a.w. mula ditulis pada masa Rasulullah s.a.w. masih hidup laig. William Muir, Goldziher dan Dozy² cuba menimbulkan keraguan tentang kesahihan catatan sirah - hadis dan perjuangan - Rasulullah s.a.w., beliau berkata, kenyataan-kenyataan itu ditulis dan dibukukan 90 tahun selepas kewafatan baginda s.a.w. Pandangan ini bertentangan dengan keterangan sejarah. Di antara buku yang terawal dituliskan secara tersusun ialah *'al-Muwatta'* sebuah buku hadis ditulis oleh Imam Malik bin Anas m. 179H. dan *'al-Maghazi'* sebuah buku sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w. yang ditulis oleh Ibn Ishak m. 151H. Dipercayai usaha-usaha ke arah pembukuan itu dilakukan lebih awal dari tarikh tersebut,

¹Muhammad `Ijaj al-khatib, *op.cit.*, hal. 322-325.

²William Muir, seorang orientalis inggeris, dilahirkan pada 27.4.1918 dan meninggal dalam tahun 1905M. Pernah bertugas di India dan menulis buku-buku. Antaranya: *Mizan al-Haq*, dan *Shahadah al-Quran `ala al-Kutub al-Yahudiah wa al-Masihiyah*, lihat: Dr. Abdul Rahman Badawi, *Mausirah al-Mustashriqin*, Beirut, 1984, hal. 404. Goldziher adalah seorang orientalis Yahudi tinggal di German, dilahirkan pada 1850M. Dozy ialah orientalis Belanda berasal dari Perancis, dilahirkan pada 18M. dan meninggal pada 1883M. lihat: Ahmad `Atiyyah Allah, *al-Qamus al-Islami*, J. I, hal. 659; J. II, hal. 407 Dr. Subhi Saleh, *op.cit.*, hal. 33-39.

dan kandungannya merupakan pengumpulan dari catatan yang dibuat oleh para sahabat, tabi'in dan ulama yang datang kemudian.

Khalifah Umar bin Abd. Aziz m. 101H. adalah seorang yang alim. Pada masa pemerintahannya, beliau memerintahkan Abu Bakar bin Muhammad bin Umar bin Hazam,¹ seorang kadi di bawah pemerintahannya, supaya menulis tentang '*Sunan al-Rasul wa Akhbaruha*'. Hal itu dilakukan, kerana Khalifah Umar bin Abd. Aziz takut kehilangan ilmu dan maklumat berhubung dengan *Sirah al-Rasul*.

Bagi menyahut suruhan itu, Abu Bakar pun menulis hadis-hadis, berita-berita perjuangan baginda s.a.w. Kemudian tulisan tersebut dihantarkan ke istana khalifah di Damshik. Salinan dari tulisan-tulisan yang dibuat oleh Abu Bakar, dikirimkan ke beberapa wilayah Islam dan bandar-bandar yang besar pada masa itu.² Mungkin berasaskan kenyataan inilah maka orientalis seperti, Willian Muner, Goldziher dan Dozy membuat kenyataan bahawa sirah Rasulullah s.a.w. baru ditulis pada abad pertama atau awal abad kedua hijrah.³

Penulisan Hadis

Di atas telah disebutkan bahawa hadis dan kenyataan sirah, termasuklah berita-berita sejarah ditulis pada masa Rasulullah s.a.w. masih hidup lagi.⁴ Al-Bukhari di dalam sahihnya pada bab '*kitabah al-Ilm*', menerangkan, Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh supaya ucapannya pada hari pembukaan Mekah ditulis.⁵ Surat-surat Rasulullah yang dikirimkan kepada raja negara jiran mengajak mereka kepada Islam. Surat itu merupakan dokumen-dokumen bertulis, yang sekali gus menerangkan bahawa kenyataan-kenyataan sirah telah ditulis pada zaman itu. Surat yang dituju kepada raja Mesir dikatakan yang

¹Seorang kadi di Madinah ada masa pemerintahan Umar bin Abd. Aziz yang dikatakan alim. Beliau adalah anak saudara kepada 'Umrah, salah seorang murid kepada 'Aishah 'Ummulmu'minin. 'Umrah telah menceritakan kepada Abu Bakar maklumat-maklumat yang didengar dan diterima dari 'Aishah. Cerita-cerita itu dihafal oleh Abu Bakar. Lihat: Muhammad 'Ijjaj al-Khatib, *op.cit.*, hal. 329.

²Ibn Abd. al-Bar, *Mukhtasar Jami' Bayan al-'Ilm*, Mesir, hal. 137.

³Dr. Subhi Saleh, *op.cit.*, hal. 33-39.

⁴Muhammad al-Sibagh, *op.cit.*, hal. 39; *Jami Bayan al-'Ilm*, J. I, hal. 73; *Sunan al-Darimi*, J. I, hal. 127; Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, J. III, hal. 233.

⁵Lihat: *Sahih al-Bukhari*, "Bab al-'Ilm"; Dr. Subhi Saleh, *op.cit.*, hal. 28. Muhamad Ali, *op.cit.*, hal. 62

pertama di dalam *Sirah al-Rasul*. Surat tersebut dengan huruf Arab dan menggunakan cop mohor Rasulullah s.a.w. (cincin baginda s.a.w.).¹

Abu Daud di dalam sunannya, dan Ahmad Ibn Hambal di dalam Musnadnya menulis, bahawa Abdullah bin Amru bin al-`As berkata, "Sesungguhnya aku telah menulis apa yang aku dengar dari Rasulullah sa.a.w. Kerana aku hendak mengingatkannya". Kemudian beliau menamakan tulisannya itu dengan `al-Sadiqah'.²

Al-Bukhari menulis bahawa tidak lama sesudah hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah, baginda s.a.w. mengarahkan supaya membanci bilangan orang Islam di Madinah. Hasilnya bilangan mereka 1,500 orang. Baginda s.a.w. telah mengarahkan supaya dituliskan berkenaan hukum-hukum dan kadar yang diwajibkan zakat. Lalu aku (Abdullah bin Amru) menulisnya dengan ulasan dua muka surat. Salinannya dihantar kepada gabnor-gabnor di setiap wilayah Islam. Catatan tersebut terdapat di rumah Abu Bakr al-Siddiq dan bersama Abu Bakar bin Umar bin Hazam. Salinan yang sama juga disimpan oleh pegawai-pegawai pemungut zakat pada masa itu.³ Al-Bukhari juga menulis bahawa Ali bin Abu Talib ada menyimpan satu salinan yang menerangkan hadis berhubung zakat.⁴ Rasulullah s.a.w. juga mengarahkan Ali bin Abu Taib supaya menulis butir-butir perjanjian Hudabiyah dalam dua salinan. Satunya untuk disimpan oleh baginda s.a.w. dan yang satu lagi diberi kepada pihak Musyrikin.⁵ Ali juga menulis berkenaan hukuman denda (diyat) termasuk jumlahnya dan jenis-jenisnya. Beliau menulis berkenaan pembebasan orang Islam yang ditawan oleh orang kafir, berkenaan larangan hukuman *qisas* terhadap orang Islam yang membunuh orang kafir.⁶

Kanz al-Ummal menyebut bahawa pada masa Amru bin Hazam menjadi gabenor di Yaman, Rasulullah s.a.w. pernah mengirim arahan bertulis kepada-

¹Ahmad al-Taji, *Sirah al-Nabi al-Arabi*, al-Qahirah, 1979, hal. 77-95.

²Ibn Sa'ad, *al-Tabaqat*, II/II: 125; *al-Musnad*, II:162, 192; Abu Daud, *al-Sunan*, II:22; al-Bukhari, *Jami' Bayan al-Ilm*, I: 71.

³Ibn al-Athir, *Usd...*, J. III, hal. 233; *Jami Bayan al-`Ilm*, J. I, hal. 73.

⁴*Bukhari*, J. II: hal. 1084, 1020.

⁵Ibn Sa'ad, *al-Tabaqat*, J. II/I, hal. 71; Ibn al-Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, J. II, hal. 204.

⁶Dr. M. Syuhudi Ismail, *op.cit.*, hal. 90.

nya berhubung dengan *al-faraid*, *al-sadaqat* dan *al-diat*.¹ Al-Tabarani di dalam *al-Mu'jam al-Saghir* menulis bahawa Abdullah bin Hakim pernah menerima surat dari Rasulullah s.a.w. menerangkan hukum bangkai binatang. Al-Tabarani juga menulis, ketika Wail bin Hajar m. 50H. hendak kembali ke Hadaramaut, baginda s.a.w. memberi kepadanya satu dokumen menerangkan hukum-hukum solat, puasa, riba, arak, dan lain-lain² Al-Dar al-Qutni di dalam sunannya bab zakat menulis, bahawa Umar bin al-Khattab pernah bertanya para sahabat, kalau-kalau mereka mengetahui hadis Nabi s.a.w. berkenaan bahagian perempuan dari pembayaran ganti rugi suaminya (*diat*). Mendengar pertanyaan tersebut, al-Dahhak Ibn Supian bangun dan menjawab, kami mempunyai dokumen dari Rasulullah s.a.w. berkenaan perkara itu.³

Khalifah Umar bin Abd. Aziz menulis kepada penduduk Madinah, bertanya tentang dokumen Rasulullah s.a.w. berkenaan hukum sadakah. Naskh yang dikehendaki itu didapati ada bersama keluarga Amru bin Hizam.⁴

Ahmad Ibn Hambal di dalam musnadnya menulis bahawa pada suatu masa Marwan bin al-Hakam berpidatu kepada orang ramai. Di dalam percakapannya beliau membincangkan '*Haram Mekah*'. Tiba-tiba Rafi' bin Khadij bangun lalu berkata, "Madinah juga mempunyai kawasan haramnya. Saya ada dokumen bertulis yang menerangkan bahawa baginda s.a.w. berkata demikian. Sekiranya tuan hendak saya membaca, saya akan membacanya". Marwan menjawab saya juga mengetahui perkara tersebut.

Muslim di dalam kitabnya menyebut bahawa al-Dahhak bin Qais menulis surat kepada al-Nu'man bin Bashir bertanya tentang surah yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w. di dalam solat Jumaat selain dari *surah al-Jum'ah*. Al-Nu'man menjawab surat itu menerangkan bahawa baginda s.a.w. pernah membaca *Surah Hal Ataka*.⁵

Dari kenyataan di atas jelaslah bahawa terdapat banyak bukti tentang para sahabat memberi perhatian dan mencatat hadis dan peristiwa sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w. semenjak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Al-Dhahabi di dalam *Tadhkirah al-Huffaz* menyatakan tindakan Abu Bakar al-Siddiq, ketika

¹*Kanz al-Ummal*, J. III, hal. 186.

²al-Tabarani, *al-Mu'jam al-Saghir*, hal. 217, 242.

³*al-Dar al-Qutni*, J. II, hal. 485.

⁴*al-Dar al-Qutni*, J. II, hal. 451.

⁵*Sahih Muslim*, J. II, hal. 598.

menjadi khalifah, beliau pernah mengumpul catatan berkenaan hukum-hukum dan sunah-sunah di dalam satu kitab. Tetapi keadaan pada zamannya tidak menggalakkan dia berbuat demikian, lalu beliau menghentikan usaha baik itu.¹

Muslim menulis bahawa Abdullah bin Abbas mencatat petua-petua Ali bin Abu Talib. Catatan tersebut dibuat di beberapa kertas, dan Sa'id bin Jubair pula telah menyalin dari catatan Ibn Abbas itu.²

Al-Turmudhi pula menyebut bahawa catatan Abdullah bin `Amru yang diberi nama `al-Sahifah al-Sadiqah' itu ada tersimpan bersama cucunya `Amru bin Shu`aib. `Amru berpendapat catatan itu sangat berharga.³ Ibn Hajar di dalam *Tahdhib al-Tahdhib* menulis, Wahab (tabi'in) telah mengumpul catatan dari Jabir bin Abdullah. Hasil usaha tersebut ada tersimpan bersama Ismail bin Abd. Karim. Sulaiman bin Samrah bin Jundab menerangkan, bapanya ada menyimpan catatan berkenaan hadis Rasulullah s.a.w.⁴ Ibn Hajar di dalam *Fath al-Bari* menulis bahawa Abu Hurairah pergi ke rumah seorang lelaki. Lelaki itu menunjuk kepadanya beberapa helai catatan bertulis.⁵

Anas bin Malik juga di antara sahabat yang banyak meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w. Pada suatu hari Anas berkata kepada anak-anaknya, "Wahai anak-anakku, tulislah ilmu pengetahuan. Ia sebaik-baik cara yang dapat kamu bergantung dengannya".⁶ Abdullah bin Abbas menulis dari Abu Rafi', khadam Rasulullah s.a.w. Beliau menulis apa sahaja yang dituturkan oleh baginda s.a.w.⁷

Al-Waqidi adalah di antara penulis-penulis sirah Rasulullah s.a.w. yang terawal. Beliau pernah berkata, "Aku melihat satu dokumen bersama Abdullah

¹Al-Dhahabi, *Tadhkirah al-Huffaz*, J. I, hal. 5; Dr. Subhi Saleh, *op.cit.*, hal. 39

²*Sahih Muslim*, J. I, hal. 14; al-Turmudhi, `al-`Ilal', 691; Sunan al-Darimi, 69; Dr. Subhi Saleh, *op.cit.*, hal. 30; Ibn Sa'ad, *al-Tabaqat*, J. II, hal. 123; al-Khatib al-baghdadi, *Taqyid al-`Ilm*, Tahqiq Dr. Yusuf al-`Ish, Damshik, 1949, hal. 136.

³*Sunan al-Turmudhi*, 61, 113; *Sunan al-Darimi*, J. I, hal. 127; *Jami Bayan al-`Ilm*, J. I, hal. 73.

⁴Ibn Hajar, *Tahdhib al-Tahdhib*, J. I, hal. 316; J. IV, hal. 198.

⁵Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, J. I, hal. 184-185.

⁶*al-Darimi*, hal. 68.

⁷Ibn Sa'ad, *al-Tabaqat*, J. II, hal. 123.

bin Abbas. Ia merupakan salinan-salinan surat yang dikirimkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada al-Mundhir bin Sawa, gabnor di `Umman pada masa itu.¹

Al-Tabari pula menulis, `Urwah bin al-Zubair menulis semua berkenaan peristiwa peperangan Badar, ketika beliau diminta oleh khalifah Abdul Malik supaya berbuat demikian.² Sa'id bin Jubair (tabi'in) berkata bahawa beliau menulis apa yang direncanakan oleh Abdullah bin Abbas pada beberapa kertas. Apabila kertas sudah kehabisan, dia menulis pula pada kasut (kulit).³

Dirasakan sudah banyak kenyataan berkenaan pemerhatian para sahabat Rasulullah s.a.w. dan mereka menulis hadis-hadis dan peristiwa sejarah yang berlaku pada zaman baginda s.a.w. Penerangan di atas bertujuan untuk menyatakan bahawa anggapan setengah orientalis-orientalis itu kurang tepat. Tetapi yang sebenarnya, sirah Rasulullah s.a.w. ditulis lebih awal dari apa yang didakwa oleh musuh-musuh Islam. Ia ditulis oleh tangan para sahabat sendiri. Kemudian dipindahkan dengan cara yang terjamin kesahihannya, dari satu generasi kepada generasi berikutnya, sehinggalah ia dibukukan di dalam bentuk yang lebih baik dan tersusun.

Barisan tabi'in telahpun berusaha mengumpulkan dengan sempurna segala apa yang diceritakan dari para sahabat Rasulullah s.a.w. Mereka menulis apa yang telah sampai kepada mereka berkenaan *al-Sirah*, *al-Akhhbar* dan lain-lain yang bersangkutan. Usaha tersebut memakan masa yang lama. Di dalam usaha pengumpulan yang dimaksudkan, mereka telah melakukan lawatan-lawatan ke tempat-tempat yang boleh menolong mendapatkan maklumat, sama ada dari pencerita ataupun dari catatan-catatan yang telah dibuat. Ketika menjalankan usaha mulia itu, ada di antara mereka yang terpaksa menempun berbagai kesulitan. Kerana keadaan pada masa itu bukannya seperti yang ada dan dapat dinikmati oleh generasi zaman kini.

Di antara mereka yang melaukan usaha tersebut ialah Muhammad bin shihab al-Zuhri, Hisham bin `Urwah bin Jubair dan Abu al-Zanad.

Muhammad bin Shihab al-Zuhri merupakan imam di dalam hal-hal berkenaan hadis dan sirah.⁴ Berhubung dengan ini Abu al-Zanad Abdullah bin

¹Zad al-Ma'ad, J. II, hal. 57.

²al-Tabari, hal. 1285.

³al-Khatib al-Baghdadi, *Taqyid al-'Ilm*, Tahkik Dr. Yusuf al-'Ish, Damshik, 1949, hal. 102; Muhammad `Ijaz al-Khatib, *op. cit.*, hal.325.

⁴W. Yahya bin W. Ahmad, *Pensejarahan Awal Islam*, UM., Kuala Lumpur, 1992, hal. 30-31.

Dhakuan al-Quraisyi berkata, sesungguhnya kami menulis hanya berkenaan halal haram, manakala al-zuhri menulis banyak perkara.¹ Tawus bin Kaisan pula berkata, aku dan al-Zuhri adalah dua pelajar yang bersahabat baik. Aku hanya menulis berkenaan sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w., tetapi al-Zuhri menulis semua yang bersangkutan dengan Rasulullah dan juga sahabat-sahabatnya.² Al-Zuhri adalah salah seorang dari ratusan para tabi'in yang semuanya melakukan usaha pengumpulan yang dimaksudkan. Kemudian setiap mereka mempunyai ramai murid. Murid-murid itu akan memanjangkan lagi berita-berita berkenaan sunnah, sirah dan akhbar lainnya. Demikianlah cara *al-Akhbar* dan *al-Sirah* dipindahkan, kemudian dibukukan dengan cara selamat, supaya umat Islam yang datang kemudian dapat menggunakannya.

Golongan yang mendakwa bahawa *al-Akhbar*, dan *al-Ahadith* mula dibukukan 100 tahun selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. adalah suatu yang tidak jelas. Kesamaran itu, mungkin kerana mereka tidak dapat memahami siapakah yang dimaksudkan dengan *Tabaqah al-Tabi'in*. Ini kerana mereka mengaitkan penulisan itu bermula pada zaman tabi'in. Perlu dijelaskan di sini bahawa ada di antara sahabat Rasulullah s.a.w. yang meninggal dunia pada awal-awal abad ke 2H. Dakwaan golongan ini bahawa zaman tabi'in bermula sesudah berakhirnya zaman sahabat adalah tidak tepat. Sebab itu mereka berkata, penulisan dan pembukuan hadis dan sirah bermula selepas 100 tahun kewafatan baginda s.a.w.

Sesungguhnya, yang dimaksudkan dengan 'tabi'in' itu ialah mereka yang tidak sempat meliaht dan tidak sempat hidup bersama Rasulullah s.a.w., termasuklah mereka yang dilahirkan pada akhir zaman Nabi s.a.w. tetapi tidak sempat melihatnya. Mereka hanya sempat bersama sahabat-sahabat dan menerima berita-berita darinya.³ demikian juga mereka yang dilahirkan selepas tahun 11H. dianggap sebagai barisan tabi'in. Segala usaha yang dilakukan selepas tahun 11H. dianggap sebagai usaha barisan tabi'in. Dengan kata-kata lain, usaha penulisan oleh tabi'in adalah bermula pada awal abad pertama Hijrah, bukannya bermula pada akhir abad pertama Hijrah sepertimana dikatakan oleh orientalis itu.

Peringatan Pembukuan

Kenyataan dari catatan sejarah menerangkan bahawa pembukuan berkenaan berita-berita, hukum-hukum, dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. mempun-

¹Jami' Bayan al-Ilm, hal. 37.

²Ibn Sa'ad, *al-Tabaqat*, J. II, hal. 2/135.

³Muhammad 'Ijaz al-Khatib, *op.cit.*, hal. 484.

yai tiga peringkat.

Pertama: Usaha penulisan dan pengumpulan dilakukan oleh mereka yang mempunyai maklumat berkenaan akhbar dan sirah. Peringkat ini memakan masa sehingga tahun 100H. Pengusahanya terdiri dari para sahabat dan *Kibar Tabi'in*.

Kedua: Usaha penulisan dan pengumpulan yang dibuat oleh penduduk-penduduk bandar di wilayah negara Islam. Di mana mereka mendapati maklumat-maklumat itu dari ulama tempatan dan ditulis pada beberapa tempat. Peringkat kedua memakan masa sehingga tahun 150H. Usaha itu dijalankan oleh barisan *Sighar al-Tabi'in dan Tabi'in al-Tabi'in*.

Ketiga: Usaha pengumpulan yang dilakukan untuk mengumpul maklumat dari seluruh bandar wilayah Islam. Ditulis pada satu tempat atau buku. Peringkat ini memakan masa dari tahun 150H. sehingga abad ke 3H. Zaman ini dikenali dengan zaman *Muhaddith* dan *Aimmah al-Sunnah*, seperti Imam Ahmad bin Ismail al-Bukhari; Imam Muslim bin al-Hajjaj; Sulaiman bin al-Ash'ath al-Azdi; Imam Abu Abd. Rahman Ahmad bin Shu'aib al-Nasai; Imam Muhammad bin Isa al-Turmodhi; Imam Ahmad bin Hambal; dan lain-lain. Catatan inilah yang dapat diwarisi oleh generasi kemudian.

Usaha yang dilakukan pada peringkat pertama dikumpulkan dan dibukukan pada peringkat kedua. Kemudian usaha yang dilakukan pada peringkat kedua dikumpul, disusun dan dibukukan dengan lebih lengkap pada peringkat ketiga. Hasil dari perkembangan tersebut, terhasillah kitab-kitab yang besar di dalam bidang-bidang, Hadis Nabi, Sirah Nabi, Akhbar dan lain-lain. Hal yang seperti ini tidak berlaku kepada umat lain selain dari umat Islam.

Rujukan Penulisan Sirah

1. **Quran.** Kitab Suci Quran merupakan asas rujukan yang paling penting dan utama. Petikan dari nas Quran sudah tentu tidak diragui dan tidak bercampur dengan sesuatu yang tidak benar. Quran menceritakan kepada umat sekarang semua sudut sirah nabi, sebelum kenabian dan selepasnya.¹ Iamencerita keadaan Muhammad s.a.w. setelah dilantik menjadi rasul.² Nabi s.a.w. sebagai pendakwah, Isra' dan mi'raj, perjuangan baginda s.a.w. menentang musuh, peperangan-peperangan dan hijrahnya.³ Quran juga menyatakan tnet-

¹*al-Baqarah* (2):89.

²*al-Nahl* (16): 44 *al-Nisa'* (4):80.

³*al-Isra'* (17): 1; *Ali`Imran* (30): 123; *al-Ahzab* (33):9-25.

nag akhlak baginda s.a.w. dengan jelas dan bagaimana baginda s.a.w. berurusan dengan masyarakat.¹

2. Kitab Hadis. Kitab-kitab hadis adalah sumber kedua menerangkan berkenaan perjuangan Rasulullah s.a.w. Kitab-kitab tersebut menerangkan segala yang dipertuturkan, diperlakukan oleh baginda s.a.w., termasuklah pengiktirafannya terhadap perbuatan para sahabat, yang dilihat sendiri oleh Rasulullah s.a.w. ataupun yang disampaikan kepadanya. Kitab-kitab yang dimaksudkan mengandungi kira-kira 100,000 hadis pada keseluruhannya, termasuk yang sahih, daif dan kemungkinan yang maudu' (palsu). Dengan usaha para ulama hadis dan sejarah, mereka berjaya mengasingkan yang sahih dari yang daif malah juga yang maudu'. Di antara kitab-kitab hadis yang dianggap terbaik oleh umat Islam ialah, ktiab hadis yang termasyhor dengan panggilan `Kutub al-Sittah'; *al-Musnad* oleh Imam Ahmad bin Hambal; dan *al-Muwatta'* oleh Imam Malik.

3. Kitab al-Maghazi Kitab ini banyak menyebut berkenaan hal peperangan yang disertai oleh Rasulullah s.a.w. Namun demikian, terdapat juga sebahagian dari kitab itu menceritakan berkenaan peristiwa bukan peperangan. Di antara kitab-kitab al-Maghazi yang agak tua ialah:

Maghazi `Urwah bin al-Zubair, m. 94H.

Maghazi al-Zuhri, m. 124H.

Maghazi Musa bin `Uqbah, m. 150H.

Maghazi Ibn Ishak, m. 150H.

Maghazi Ziyad al-Bukai, m. 182H.

Maghazi al-Waqidi, m. 207H.

4. Kitab Sejarah Islam. Sumber rujukan lain ialah kitab-kitab sejarah Islam yang lebih bersifat umum, membicarakan tentang sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w.

Di antaranya yang dianggap baik dan *thiqah* ialah:

Tabaqat Ibn Sa'ad

Tarikh al-Rasul wa al-Mulik, oleh Abu Ja'far al-Tabari

Tarikh al-Saghir wa Tarikh al-kabir, oleh Muhammad Ismail al-Bukhari

Tarikh Ibn Hibban

Tarikh Ibn Abi Khaithumah al-Baghdadi.

5. Kitab al-Dalail. Kitab-kitab ini banyak membicarakan tentang

¹*al-Qalam* (68): 4; *al-Najm* (53):3,4.

mukjizat-mukjizat Rasulullah s.a.w. Di antaranya ialah:

- Dala'il al-Nubuwwah oleh Abu Ishak al-Harbi, m. 255H.
- Dala'il al-Nubuwwah oleh Ibn Qutaibah, m. 276H.
- Dala'il al-Nubuwwah oleh Imam al-Baihaqi, m. 430H.
- Dala'il al-Nubuwwah oleh Abu Na'im al-Asfahani, m. 430H.
- Dala'il al-Nubuwwah oleh al-Mustaghfari, m. 432H.
- Dala'il oleh Abu al-Qasim Ismail al-Asfahani, m. 535H.
- al-Khasais al-Kubra oleh al-Suyuti, m. 911H.

6. Kitab al-Shamail

Kandungan kitab-kitab ini ialah berkenaan akhlak Rasulullah s.a.w., tindak tanduk baginda s.a.w. setiap hari, dari pagi sehingga malam, dan dari malam sehingga pagi hari esoknya.

Di antara kitab-kitab yang termasyhor berhubung hal ini ialah:

- al-Shamail oleh al-Turmudhi, m.279H.
- al-Shafa Fi Huquq al-Mustafa oleh al-Qadi `Iyyad, m, 544H.
- Shamail al-Nabi s.a.w. oleh Abu al-`Abbas al-Mustaghfari
- al-Nur al-Sati' oleh al-Maqri al-Gharnati, m. 552H.
- Safar al-Sa'adah oleh Majiddin al-Fairuz Abadi, m. 812H.

Selain dari kitab-kitab yang disebutkan di atas, terdapat kitab-kitab lain membicarakan tentang Mekah dan Madinah, tempat-tempat penting, wadi-wadi, bukit-bukit yang mempunyai hubungkaitnya dengan Rasulullah s.a.w., seperti bukit Nur dan Hira'. Di antara kitab-kitab yang dimaksudkan ialah:

- Akhbar Mekkah oleh al-Azraqi, m. 223H.
- Akhbar Mekkah oleh al-Fakihi, m.272H.
- Akhbar al-Madinah oleh `Umar bin Shubbah, m. 268H.
- Akhbar al-Madinah oleh Ibn Zubalah.

Kitab-kitab yang disebutkan di atas merupakan bahan rujukan kepada penulis-penulis kemudian. Terutamanya penulis-penulis pada zaman moden ini.

Didapati dari perbincangan sebelum dari ini, para ahli hadis, ulama, malah khalifah-khalifah sendiri pun sangat memberi perhatian terhadap hadis Rasulullah dan peristiwa sejarah. Ada dari kalangan mereka itu, tidak sekadar menghafal perkara-perkara tersebut, tetapi, di samping menghafal, mereka juga membuat catatan-catatan pada tempat yang sesuai, supaya lebih menyakinkan lagi bahawa hadis-hadis dan peristiwa perjuangan Rasulullah itu benar dan

sahih. Ada pula khalifah yang melantik ulama tertentu untuk mengajar di masjid, supaya maklumat-maklumat berkenaan dapat disebarkan kepada masyarakat Islam. Contohnya, `Asim bin `Umar m. 121H., cucu kepada Qatadah salah seorang sahabat Rasulullah, pernah mengajar di Masjid al-Jami', Damshik, dengan suruhan Khalifah Umar bin Abd. Aziz.

Penutup

Dari keterangan yang di bawa, jelaslah bahawa sirah Rasulullah s.a.w. mempunyai hubungkait yang rapat dan berperanan di dalam sejarah Islam. Sejarah Islam yang sebahagian kandungannya ialah sirah nabi, ditulis di dalam berbagai bahasa dunia hari ini. Di tulis oleh orang Islam dan juga bukan Islam. Mereka menghuraikan peristiwa-peristiwa yang berlaku mengikut kemampuan fikiran masing-masing. Keseluruhan asas penulisan itu termasuk huraianannya adalah berasaskan catatan lama yang dipindahkan secara mulut dan catatan. Kemudian catatan-catatan itu dikumpul dan dibukukan. perkembangan seterusnya, kitab-kitab yang ditulis pada peringkat awal, dikemaskinikan dari semasa ke semasa dalam bentuk yang lebih sempurna, sehinggalah terjadi sebuah kitab atau beberapa kitab yang dapat dilihat pada hari ini.